

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PAMERAN PENDIDIKAN TINGGI
DAN BIMBINGAN KERJAYA 2001
DI DEWAN TUN HUSSEIN ONN, PWTC
19 JANUARI 2001

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinnya saya dapat bersama saudari- saudari di majlis yang penuh bermakna pada petang ini. Kita masih lagi berada dalam bulan Syawal maka kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dan kepada masyarakat Cina yang akan menyambut perayaan mereka saya ucapkan `Gong Xi Fa Cai'. Sesungguhnya kita di Malaysia ini amat bertuah kerana masyarakatnya yang berbilang kaum dapat duduk bersama-sama dalam dewan ini membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman damai.

2. Sepertimana yang pernah saya sebutkan sebelum ini perpaduan adalah amat penting dikekalkan dalam sebuah negara yang dihuni oleh pelbagai kaum seperti negara kita ini. Dasar pembangunan nasional kita juga telah menetapkan bahawa agenda perpaduan negara tetap kekal menjadi matlamat akhir pembangunan sosioekonomi demi untuk menjamin kestabilan sosial dan politik serta pembangunan secara berterusan. Malah kepelbagaian agama dan kepercayaan ini merupakan satu lagi aset yang amat bernilai bagi negara kita. Oleh itu marilah kita pastikan keharmonian yang sudah sedia lama terjalin ini terus dipelihara dan dipertingkatkan kerana ini adalah juga merupakan langkah permulaan ke arah untuk mencapai taraf sebuah negara maju pada tahun 2020.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi mengundang saya ke majlis ini dan seterusnya merasmikan Pameran Pendidikan Tinggi dan Bimbingan Kerjaya 2001. Tahniah juga saya ucapkan kepada Universiti Teknologi MARA atas daya usahanya mengadakan pameran ini. Saya difahamkan pameran ini turut disokong dengan penyertaan badan-badan korporat dan syarikat swasta. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama antara kedua pihak tersebut. Ini membolehkan kedua-dua pihak menjalinkan hubungan serta berganding bahu dalam mengembang dan memajukan pendidikan negara khusus pendidikan tinggi. Ia juga selaras dengan langkah kerajaan untuk menjadikan negara kita ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan membangunkan bidang pendidikan sebagai satu sektor perkhidmatan yang memanfaatkan negara. Saya berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

4. Pemilihan tema pameran iaitu `Sains dan Teknologi Membina Negara' memang tepat dan saya anggap sebagai penting. Ini kerana usaha kerajaan untuk menerapkan budaya sains dan teknologi masih lagi pada tahap minimum, malahan hanya banyak tertumpu di pusat-pusat bandar dan institusi pengajian sahaja. Kesedaran dan kecenderungan terhadap sains dan teknologi di kalangan rakyat jelata masih lagi rendah. Hari ini pembangunan sains dan teknologi di peringkat global terlalu banyak dan begitu cepat sekali berubah. Perubahan ini telah menyebabkan banyak di antara kita merasakan kita sudah jauh ketinggalan yang mungkin sukar untuk kita ikuti jika kita tidak mampu mengikutinya serta tidak mempunyai asas dalam bidang ini. I.T misalnya telah menjadi satu alat

yang semakin kritikal yang membawa banyak perubahan kepada cara kita bekerja dan daya saing ekonomi di seluruh dunia.

5. Teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT telah membawa perubahan baru kepada pengurusan sains dan teknologi, khususnya I.T. Mmenyedari hakikat ini kerajaan telah menggubal agenda teknologi maklumat negara pada tahun 1996 serta melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pemangkin kepada perkembangan industri I.T dan multimedia. Dengan adanya semua kemudahan ini kerajaan mengharapkan dapat melahirkan lebih banyak lagi golongan pencipta sains dan teknologi. Malangnya masyarakat Malaysia lebih merupakan pengguna sains dan teknologi semata-mata dan kurang sebagai pencipta sains dan teknologi. Kerajaan telah mengenalpasti beberapa kelemahan dan kekurangan yang menyebabkan kurangnya pemikiran kreatif dan saintifik di kalangan masyarakat dan pelajar kita.

6. Antara kelemahan dan kekurangan yang dikenalpasti mengekang kemajuan sains dan teknologi ialah;

a)Kekurangan guru yang terlatih dalam bidang komputer dan I.T. Ini disebabkan ganjaran dalam profession perguruan jauh lebih rendah berbanding yang ditawarkan oleh industri.

b)Kekurangan alat-alat komputer dan pendidikan I.T di peringkat sekolah terutama di luar bandar boleh membantut perkembangan pengetahuan dalam bidang I.T.

c)Penduduk luar bandar yang tidak mempunyai kemampuan untuk memiliki peralatan I.T disebabkan pendapatan yang rendah.

d)Budaya inovasi dan keusahawanan yang tidak begitu menggalakkan kerana masalah mendapatkan sokongan dari sistem kewangan dan pasaran modal.

e)Kecenderungan pelajar terhadap sains dan I.T di sekolah rendah dan IPT masih rendah.

f)Kemerosotan dan kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dikalangan masyarakat dan penuntut. Journal dan buku sains dan teknologi banyak ditulis dalam Bahasa Inggeris yang memerlukan kefahaman yang tinggi dalam bidang ini.

g)Kekurangan tenaga pengajar sains dan teknologi yang berkelayakan di IPTS yang perlu di atasi. Keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila bilangan pengambilan penuntut bertambah.

Kerajaan akan terus mencari jalan untuk mengatasi segala kekurangan dan kelemahan ini. Ini untuk memastikan rakyat tidak ketinggalan dalam bidang ini dan sebagai usaha untuk membudayakan sains dan teknologi.

Saudara-saudari Pembangunan sumber tenaga manusia dan cabarannya

7. Bagi Malaysia, cabaran yang terbesar bagi menyediakan diri dalam era ekonomi baru ini ialah melengkapkan sumber tenaga manusianya dengan pelbagai kemahiran yang releven. Tanpa rancangan, penelitian dan strategi yang bertepatan dengan langkah kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 , penyediaan tenaga sumber manusia yang berilmu selaras dengan kemajuan negara berasaskan kemahiran, kreativiti serta berdaya saing tinggi dalam tempoh 10 tahun sehingga 2010, sasaran

itu mungkin tidak akan tercapai. Masalah pekerja yang meruncing dalam sektor-sektor tertentu telah menyebabkan kita terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing bagi memenuhi keperluan sektor pembinaan, perladangan dan perkhidmatan. apabila negara dilanda kegawatan ekonomi pada 1997 sudah cukup memberi pengajaran kepada kita supaya merancang membangunkan sumber manusia sebaik mungkin tanpa bergantung kepada pekerja asing. Yang mendukacitakan saya ialah apabila orang kita sendiri tidak berminat untuk bekerja di sektor-sektor ini. Mereka lebih berminat menganggur daripada bekerja untuk mencari kemahiran. Sebenarnya dari segi kadar pengangguran, misalnya pada tahun 2000 kita hanya mencatat 2.9 peratus berbanding Filipina (9.5%) dan Thailand (3.2%). Sementara sebanyak 10,937 kekosongan jawatan dilaporkan pada September tahun lalu, iaitu penurunan sebanyak 27.3 peratus atau 4,108 jawatan berbanding bulan sebelumnya. Secara keseluruhannya keadaan pasaran buruh dalam negara ini adalah masih ketat dengan nisbah sembilan pendaftaran baru bagi 10 peluang pekerjaan yang wujud. Walau bagaimanapun ini bukanlah angka sebenar yang menunjukkan kekosongan jawatan kerana majikan tidak diwajibkan melaporkan kekosongan di syarikat masing-masing. Dari segi pendaftaran atau pencari kerja baru, sebanyak 9,919 telah mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat iaitu penurunan sebanyak 9.2 peratus. Selain itu berlaku juga peningkatan jawatan profesional iaitu sebanyak 71 jawatan. Sebanyak 23,199 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000 dan ini termasuk penempatan seramai 4,244 pekerja yang telah diberhentikan kerja. Saya sebutkan angka-angka ini sebagai membuktikan peluang untuk mendapat kerja adalah luas. Yang perlu ada pada diri kita ialah kelulusan akademik yang cemerlang dan jurusan yang sesuai dengan keperluan pasaran kerja.

8. Pada zaman era ICT ini dan selaras dengan peralihan ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k- ekonomi, negara memerlukan tenaga pekerja yang berkualiti, berilmu sains, berupaya pemikiran saintifik serta terlatih dan memiliki sikap yang sesuai dan personaliti yang dinamik. Tenaga pekerja ini akan menjadi modal untuk menjana inovasi dan pembangunan sains dan teknologi yang kreatif dan asli.

9. Satu kajian mengenai keperluan tenaga manusia bagi pekerjaan utama I.T. Seperti jurutera sistem, pemaju perisian, juruanalisis sistem dan pengaturcara program komputer yang dijalankan pada tahun 1998 menunjukkan seramai 28,350 pekerja baru I.T. diperlukan dalam tempoh 1999-2000 berbanding penawaran yang dijangka seramai 28,200 graduan I.T.. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan berusaha bagi menambah bilangan pekerja I.T. dan berpengetahuan untuk menjadi pemangkin dalam pembangunan I.T. dan multimedia. Dalam hal ini saya menyeru para pelajar supaya memilih jurusan yang sesuai bagi memudahkan mereka mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian nanti. Pekerja berilmu mestilah mempunyai kemahiran dan jenis ilmu yang pelbagai. Kerajaan akan meneruskan dasar mengseimbangkan komposisi tenaga manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi negara pada masa hadapan. Sebuah Universiti Multimedia juga telah diwujudkan bagi tujuan memenuhi tenaga pekerja yang mahir dalam bidang ICT. Saya berharap pihak IPTA dan IPTS akan terus meningkatkan kemudahan, kualiti pensyarah dan kaedah mengajar sebagai langkah untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang. Selain itu IPTS juga digalakkan mewujudkan program berkembar dengan universiti asing yang kukuh dalam sains dan teknologi selain meningkatkan pengambilan penuntut.

10. jadi usaha UiTM mengadakan pameran pendidikan tinggi dan kerjaya ini adalah amat baik dan patut diberikan pujian. Saya berharap pameran ini akan mencapai

objektifnya iaitu untuk menggalakkan pelajar memilih kerjaya yang bersesuaian terutama dalam bidang sains dan teknologi. Bagi saya pameran ini juga memberi peluang kepada para pendidik, kaunselor- kaunselor, ahli akademik, pakar-pakar sains dan teknologi dan para pelajar bertemu dan bertukar fikiran untuk faedah bersama. Saya ingin menyeru para penuntut supaya menetapkan matlamat kerjaya mereka pada peringkat awal pengajian bagi memudahkan kita untuk membuat persiapan memasuki dunia pekerjaan. Jika kita tidak membuat persiapan awal maka kita akan menghadapi masalah atau kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

11. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada pihak penganjur atas usaha murni ini dan terima kasih sekali lagi kepada Universiti Teknologi MARA kerana memberi peluang kepada saya berucap. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Pendidikan Tinggi dan Bimbingan Kerjaya 2001.

Terima kasih.